

16 JUN 2003

Rais-Pindaan

ANGGOTA PARLIMEN BN DIMINTA TUMPU ISU PERSEMPADANAN SEMULA K'SAN P/RAYA

KUALA LUMPUR, 16 Jun (Bernama) -- Anggota Parlimen Barisan Nasional (BN) diminta supaya hadir pada persidangan Dewan Rakyat dan menumpukan sepenuh perhatian kepada isu-isu yang dibangkitkan, terutama pindaan Perlembagaan Persekutuan yang membabitkan persempadanan semula kawasan pilihan raya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Rais Yatim yang juga Timbalan Ketua WHIP Parlimen Malaysia, berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan membentangkan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2003, Isnin depan (23 Jun).

"Perbahasan bagi pindaan ini dijangka memakan masa selama dua hari... dan ia berkaitan usul yang dibentangkan pada sesi persidangan yang lalu mengenai pertambahan kerusi Dewan Rakyat dari 194 kepada 219 kerusi," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat pramajlis BN bersama Datuk Seri S. Samy Vellu di Bangunan Parlimen di sini, hari ini.

Dr Rais berkata anggota Parlimen BN menyokong usul pindaan Perlembagaan pada sesi lepas dan berharap rang undang-undang mengenainya dapat diluluskan pada persidangan kali ini.

Memandangkan sesi persidangan Dewan Rakyat kali ini merupakan sesi terakhir bagi Perdana Menteri, beliau berkata setiap anggota Parlimen BN diminta hadir.

"Masalah yang berlaku ialah persidangan Dewan Rakyat kali ini berjalan seiring dengan perhimpunan Agung Umno (17 hingga 21 Jun)," katanya.

Oleh itu beliau berkata anggota BN yang bukan anggota Umno supaya hadir bagi menggantikan tempat rakan mereka yang perlu menghadiri Perhimpunan Agung Umno itu.

"Saya dan Samy Vellu akan memantau kehadiran para anggota Parlimen supaya kehadiran mereka semaksimum yang mungkin," katanya.

Menurut Dr Rais pada persidangan kali ini, beberapa pindaan rang undang-undang, termasuk berkaitan Program Khidmat Negara oleh Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak dan Rang Undang-undang Kebangkrapan (Pindaan) 2003, akan dibentangkan.

Sementara itu, Samy Vellu ketika ditemui berkata perkara yang turut dibincangkan pada mesyuarat itu ialah berkaitan projek-projek awal yang diluluskan kerajaan bagi membantu membangunkan ekonomi negara.

"Ramai kontraktor yang memohon supaya tempoh pelaksanaan projek ini dilanjutkan memandangkan peruntukan bagi projek-projek ini hanya diluluskan November lepas," katanya, dan menambah bahawa perkara itu akan disampaikan kepada Perdana Menteri untuk dipertimbangkan.

Pengerusi Kelab Penyokong Kerajaan Datuk Mohd Zin Mohamed pula berkata anggota Parlimen BN telah diingatkan supaya menjalankan tanggungjawab dan peranan mereka sebaik mungkin serta mengambil bahagian ketika sesi persidangan Dewan Rakyat kali ini.

"Kita juga membincangkan tentang perkara yang berhubung kait peranan dan tanggungjawab Anggota Parlimen di luar Parlimen, contohnya cara menyelesaikan masalah rakyat dengan sebaik mungkin serta projek-projek kecil pembangunan yang akan disalurkan di peringkat akar umbi," katanya.

-- BERNAMA

RAM HS LAT